

TARIKH : 16/7/2022

SURAT KHABAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

PM arah KSM, KDN selesai segera isu MoU ambil pekerja Indonesia

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah mengarahkan Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN), menyelesaikan segera isu perjanjian persefahaman (MoU) dengan Indonesia berhubung proses pengambilan pekerja dari negara tersebut.

Ismail Sabri berkata, perkara tersebut perlu diselesaikan segera, bagi mengelak timbulnya masalah antara Malaysia dengan Indonesia.

“Saya dah minta KSM, saya dah minta KDN selesaikan. Saya tak nak (isu) dipanjang-panjangkan. Jadi saya kata, selesaikan. Kerana jika tidak diselesaikan kita bimbang akan ada masalah kita dan Indonesia,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan pelancaran Program Pemilikan Kediaman (HOPE) dan Karnival Jom Beli Rumah di sini pada Jumaat.

Ditanya adakah MoU akan dibatalkan, Ismail Sabri menjawab: “Tidak, tidak.”

Sebelum ini, dilaporkan Indonesia mengenakan pembekuan sementara ke atas semua pekerja negara itu memasuki Malaysia sejak Khamis, berikutan Jabatan Imigresen Malaysia terus menggunakan System Maid Online (SMO) biarpun kedua-dua negara menerusi MoU, bersetuju menggunakan satu saluran iaitu One Channel System (OCS).

Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Hermono dilaporkan berkata, MoU terbabit tidak dihormati, berikutan butiran dalam perjanjannya tidak dipatuhi Malaysia.

- *Bernama*